

TERMA RUJUKAN

PANEL PENGELASAN SPA DAN URUTAN REFLEKSOLOGI

1. PENGENALAN

Penubuhan Panel Pengelasan Spa dan Refleksologi adalah bagi mewujudkan satu platform khusus bagi memantau kualiti perkhidmatan dan kemudahan serta memastikan perkembangan industri spa dan refleksologi di Malaysia.

Sebagaimana trend di Negara-negara maju dan membangun di dunia, industri spa dan refleksologi semakin berkembang kesan gaya hidup manusia yang semakin sibuk dan mendapat pelbagai tekanan. Salah satu cara untuk meredakan ketenangan ini adalah dengan mendapatkan rawatan di pusat-pusat spa dan refleksologi.

Malaysia mempunyai pelbagai kelebihan dalam industri spa dan refleksologi, kerana kepelbagaian budaya turut mempunyai kaedah rawatan-rawatan tradisional yang berbeza. Selain itu juga, Malaysia turut mempunyai sumber alam semulajadi yang kaya dan menjadi ramuan penting dalam rawatan-rawatan yang dilakukan. Pendekatan oleh kerajaan yang menggalakkan pelancongan kesihatan juga menjadi pemangkin kepada perkembangan industri spa dan refleksologi bukan sahaja kepada masyarakat tempatan malah pelancong dari luar Negara.

Berdasarkan kajian oleh Intelligent Spas, pertumbuhan industri spa di Malaysia telah berkembang sebanyak 200% sejak tahun 2002 dengan lebih 170 buah spa telah beroperasi. Menurut *Euromonitor International 2007 Country Sector Briefing* Jumlah ini dijangka akan mencecah 250 pusat spa menjelang 2011.

Sejajar dengan perkembangan di atas adalah penting agar sebuah platform khusus diwujudkan bagi memantau dan menggalakkan pembangunan industri spa di Malaysia.

2. NAMA JAWATANKUASA

Nama rasmi jawatankuasa adalah 'Panel Pengelasan Spa dan Urutan Refleksologi'

3. KEANGGOTAAN

Panel dan agensi-agensinya pelaksana bagi pengklasifikasian spa dan urutan refleksologi ini akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan dengan kerjasama oleh agensi dan persatuan-persatuan berikut:

- i) Kementerian Pelancongan Malaysia (Pengerusi - KSU/ Bahagian Pelesenan Pelancongan - Urusetia);
- ii) Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia - Ahli
- iii) Kementerian Kesihatan Malaysia - Ahli
- iv) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan – Ahli

- v) Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Pembangunan Manusia - Ahli
- vi) Persatuan Spa dan Refleksologi yang diiktiraf iaitu *Association of Malaysia Spas (AMSPA)* dan *Malaysian Association of Wellness and Spa (MAWSPA)* – Ahli
- vii) Agensi atau Badan Bukan Kerajaan yang difikirkan sesuai.

3. OBJEKTIF

Antara objektif utama penubuhan Panel Pengelasan Spa dan Refleksologi ini adalah:

- 3.1.1 Memantau, memelihara dan meningkatkan kualiti kemudahan dan perkhidmatan industri spa dan refleksologi Negara bagi memenuhi ekspektasi pelancong;
- 3.1.2 Memastikan petugas-petugas di pusat-pusat spa dan refleksologi memenuhi standard dan kelayakan tertentu;
- 3.1.3 Membangunkan dan mempromosikan industri spa dan refleksologi Negara sebagai salah satu produk tarikan pelancong selain membina imej Negara sebagai pusat pelancongan kesihatan bertaraf antarabangsa; dan
- 3.1.4 Memperkukuhkan jalinan kerjasama antara agensi dan persatuan berkaitan industri spa dan refleksologi.

4. BIDANG KUASA

Bidang-bidang kuasa Panel Pengelasan Spa dan Urutan Refleksologi adalah:

- 4.1 Membangun dan mengkaji semula kriteria dan skema pemarkahan bagi sistem pengelasan spa dan urutan refleksologi;
- 4.2 Memastikan pemeriksaan ke premis spa dan urutan refleksologi mematuhi kriteria pengelasan yang ditetapkan;
- 4.3 Menyediakan laporan pemeriksaan;
- 4.4 Menimbangkan laporan pemeriksaan dalam Mesyuarat Panel Pengelasan Spa dan Urutan Refleksologi
- 4.5 Membincang dan membuat keputusan ke atas pengelasan spa dan urutan refleksologi bagi setiap premis yang diperiksa dan dinilai
- 4.6 Menimbangkan rayuan pengelasan spa dan urutan refleksologi
- 4.7 Memperakukan premis spa dan urutan refleksologi yang tidak memenuhi kriteria minima 1 bintang untuk tidak dilesenkan
- 4.8 Membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan industri spa dan urutan refleksologi.